

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]
TARIKH : 19 OKTOBER 2016
SOALAN :

YB Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah hasrat Kerajaan untuk membina sebuah hospital Kerajaan baru di Batu Kawan memandangkan bilangan penduduk Seberang Perai Selatan akan meningkat serta apakah justifikasi Kerajaan untuk menambah baik Hospital Sungai Bakap.

Tuan Yang di-Pertua,

Batu Kawan terletak lebih kurang 20 km dari Hospital Sungai Bakap di daerah Seberang Perai Selatan. Hospital yang berkapasiti 105 buah katil ini menyediakan perkhidmatan rawatan asas dan menyediakan perkhidmatan kepakaran melalui lawatan-lawatan pakar mengikut jadual. Ia berada 30km dari Hospital Seberang Jaya dan 20km dari Hospital Bukit Mertajam dimana kedua-dua hospital ini menyediakan perkhidmatan kepakaran.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah membuat permohonan bagi cadangan pembinaan hospital gantian untuk Hospital Sungai Bakap di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (2016) dan sedang mengenalpasti tapak yang bersesuaian bagi hospital gantian tersebut. Hospital Sungai Bakap yang sedia ada masih berupaya menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada masyarakat setempat khususnya di daerah Seberang Perai Selatan.

Walaupun setiap hospital mempunyai kerja-kerja pembangunan projek-projek naiktaraf serta pembaikan yang diadakan dari semasa ke semasa. Semua projek-projek yang telah dirancang ini akan dapat membantu mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan yang sedia ada.

Selain itu, projek Multistorey Block Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang telah diluluskan di bawah Rolling Plan RMK 10 dengan kapasiti 316 buah katil dan kini dalam peringkat awal pembinaan. Penambahan katil ini dapat menampung keperluan perkhidmatan masyarakat di daerah Seberang Perai Selatan.